

15 FEB 1996

Muhyiddin-Everest

MALAYSIA BERCADANG KE PUNCAK GUNUNG EVEREST

KUALA LUMPUR, 15 Feb (Bernama) -- Malaysia sedang merancang sebuah projek bernilai berjuta-juta ringgit untuk mendaki gunung tertinggi di dunia -- Gunung Everest -- pada Mei, 1997, kata Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Yassin di sini, hari ini.

Selaras dengan hasrat Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, 20 pendaki tempatan akan cuba mengibarkan bendera Malaysia di puncak gunung itu setinggi 8,848m (29,028 kaki), kata beliau.

Muhyiddin memberitahu persidangan berita di sini yang jika usaha itu berjaya, Malaysia akan menjadi negara pertama di rantau Asia Tenggara untuk sampai di puncak gunung Everest.

Dikenali sebagai Projek Malaysia-Everest '97, beliau berkata projek itu adalah ilham Dr Mahathir yang pernah berkata: "...kita mesti mempunyai keyakinan untuk menjadikan impian kita kenyataan, ini termasuk mendaki gunung Everest dan belayar melintasi Pasifik, menjelajah Artik dan Antartika."

Muhyiddin berkata, Kementerian itu telah memberi respon kepada kata-kata itu dan akan menerima cabaran itu bersama Persatuan Mendaki Malaysia (PMM) dan juga Yayasan Sukan dan Budaya Malaysia sebagai penganjur bersama.

Beliau berkata, projek itu akan dilancarkan oleh Dr Mahathir pada 20 April ini.

Projek itu dijangka bernilai RM4.5 juta, kata beliau dan para penganjur telah mengatur pelbagai program sebagai persediaan untuk menjayakan projek itu dengan latihan telahpun bermula awal tahun lepas.

Muhyiddin berkata 20 pendaki dari PPM telah dipilih berdasarkan kepada kecergasan fizikal dan mental, kemahiran teknikal, kualiti kepimpinan dan sanggup memberikan komitmen jangka panjang untuk mencapai matlamat itu.

Beliau berkata para pendaki itu akan berlatih di beberapa sesi mendaki termasuk di Shingri Glacier, India, Mount Cook Aspring, New Zealand dan juga menghadiri seminar mengenai gunung di Nepal anjuran Kesatuan Antarabangsa Persatuan-persatuan Pendaki Gunung.

Beliau berkata, sesi-sesi latihan lain di luar negara juga akan diadakan untuk mempertingkatkan lagi kemahiran mendaki di bawah penyeliaan penasihat teknikal, Kapten M.S.Kholi dari India.

Muhyiddin berkata 12 pendaki akan mendaki bahagian terakhir puncak gunung itu sementara yang lain akan bertindak sebagai "back-up".

Beliau berkata, Kementerian itu telahpun mengemukakan RM300,000 sebagai bayaran permit kepada kerajaan Nepal untuk mendaki gunung Everest dan berharap sektor swasta dan awam serta individu-individu akan menyumbangkan bakinya.

Sir Edmund Hillary dan Tenzing Norgay merupakan manusia pertama yang berjaya sampai ke puncak tertinggi di dunia itu pada, 29 Mei, 1953 dan sehingga hari ini lebih daripada 550 pendaki dari 20 negara dalam 200 ekspedisi berjaya sampai ke puncak gunung itu.

Sehingga hari ini, 95 orang telah terkorban dalam usaha mendaki gunung itu, 40 daripadanya ialah Sherpa, iaitu kaum yang tinggal di kawasan gunung dan mereka biasanya menjadi pemandu arah dan pembawa barangan bagi para pendaki. -- Bernama

DC PR